

Model Pembuatan Keputusan dalam Pemilihan Teori Kaunseling

Aina Razlin Mohammad Roose¹, Siti Norazilah Mohd Said², Edris Aden³
mrazazlin@fcs.unimas.my¹, mssnorazilah@fcs.unimas.my², aedris@fcs.unimas.my³
Jabatan Kaunseling, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia,
Universiti Malaysia Sarawak

Abstrak

Teori psikoterapi merupakan elemen asas yang penting dalam menyumbang kepada sesi kaunseling yang terapan. Pelajar kaunseling, kaunselor pelatih, dan kaunselor novis yang masih kurang cekap dalam mengendalikan proses kaunseling berkemungkinan besar berhadapan dengan kesukaran untuk menentukan hala tuju dan matlamat sesi tanpa aplikasi teori. Teori bukan sahaja berperanan membantu kaunselor mengendalikan sesi dengan menggunakan teknik-teknik bersesuaian, tetapi juga membimbing kaunselor memahami isu yang dihadapi oleh klien secara konseptual. Dalam abad ke-21, terdapat lebih 400 jenis teori yang menterjemahkan masalah manusia melalui pelbagai perpektif. Maka adalah penting bagi seorang kaunselor untuk memilih teori yang bertepatan dengan kepercayaan dan ciri-ciri peribadi agar kaunselor tersebut selesai dalam mengaplikasikan teori. Kajian ini menumpukan kepada penghasilan model untuk membantu kaunselor mengenalpasti teori yang bersesuaian dengannya. Ia dijalankan secara kualitatif dan persampelan spesifik dengan menggunakan kaedah temuramah 5 orang mahasiswa Program Sarjana Muda Kaunseling yang mendapat keputusan cemerlang dalam kursus Teori Kaunseling. Peserta kajian dilihat dapat mengenalpasti teori yang bersesuaian untuk diaplikasikan berdasarkan minat, pengalaman hidup, kepercayaan, nilai yang dipegang dan kesesuaian peribadi. Selain itu, pengkaji turut menggunakan bahan-bahan kajian lepas sebagai sokongan kepada pembentukan model ini.

Kata kunci : teori psikoterapi, pemilihan teori kaunseling, model pemilihan teori.

Nota:

Kajian ini telah dibentangkan di *19th PERKAMA International Counselling Convention* pada 9-11 Jun 2013 di Kuala Lumpur.